

Sabtu, 11 April 2020

## COVID-19: Pelajar diminta sabar, penilaian dalam masa seminggu - KKM

Oleh Rafidah Mat Ruzki; Mohd Nasaruddin Parzi; Muhammad Yusri Muzamir dan Noor Atiqah Sulaiman

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan meminta tempoh seminggu diberikan kepada mereka untuk menilai data kes jangkitan COVID-19 sebelum memberi kebenaran untuk pelajar pulang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya hanya boleh memberikan nasihat kebenaran kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa ketiga yang bermula 15 April hingga 28 April.



Pelajar di kampus diminta terus tenang dan patuhi peraturan ketika PKP. - Foto hiasan

"Cadangan kita (ialah) bersabar. Mungkin dalam seminggu dua ini, kita lihat data terkini untuk tempoh seminggu. Dalam fasa ketiga kita boleh beri nasihat kepada KPT," katanya pada sidang media harian di Putrajaya.

Beliau menegaskan fasa ketiga PKP cukup penting dalam memastikan pengurangan kes jangkitan baharu COVID-19.